



SEVENDAYS



HOME NEWS WORLD HIBURAN BUSINESS SPORTS TECH OPINION FEATURES BAHASA M

## MD TOP STORIES

U.N. Readies For Refugee Exodus From Iraq's Mosul  
23 Aug 2016 17:42

Daesh: KPT Tingkat Tapisan Keselamatan Kemasukan Pelajar, Tenaga Pengajar Asing  
23 Aug 2016 21:10

Syrian Forces, Kurdish YPG Agree To Hasaka Ceasefire  
24 Aug 2016 08:39

Zambia Regulator Suspends Three Private Broadcasters  
24 Aug 2016 09:16

Three-Year-Old From Selangor Down With Diphtheria - Health DG  
24 Aug 2016 08:47

# MSM Sasar 10 Syarikat Gula Terbesar

Details Published on Monday, 22 August 2016 09:17



0 Comments



KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) mengekalkan sasaran berada dalam dalam kalangan 10 syarikat pengeluar gula diproses terbesar dunia menjelang tahun 2020 dibantu dengan pembukaan kilang



memproses gula ketiganya terletak di Tanjung Langsat, Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Mohamad Amri Sahari berkata, sasaran itu dibuat oleh bekas CEO MSM sebelumnya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod dan ia masih menjadi keutamaan beliau selepas dilantik menerajui syarikat pada pertengahan Julai lalu.

Kata beliau, MSM ketika ini tergolong dalam kalangan 25 pengeluar gula diproses terbesar dunia.

Tambahnya, pembinaan kilang di Tanjung Langsat yang dijangka beroperasi hujung 2017 menjadi faktor terpenting jika MSM mahu menjadi pengeluar gula utama di rantau ini dan berada dalam landasan untuk menjadi antara syarikat gula terbesar dunia.

"Selain memenuhi pasaran tempatan, MSM juga mahu terus meneroka pasaran serantau. Syarikat melihat permintaan gula di Asia Pasifik akan terus meningkat.

"Kita juga merancang untuk membuka pejabat perwakilan di beberapa negara di Asia Pasifik yang akan diumumkan kemudian demi memperbesarkan lagi perniagaan MSM," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

MSM ialah subsidiari kepada Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) dan merupakan pengeluar gula bertapis terbesar tempatan menerusi dua kilang memproses gula terletak di Chuping, Perlis dan Prai, Pulau Pinang dengan kapasiti terkini pengeluaran gula di kedua-dua kilang tersebut ialah 1.25 juta tan setahun.

Kilang ketiga di Tanjung Langsat bernilai AS\$259 juta (RM1.04 bilion) mempunyai kapasiti pengeluaran gula setahun sekali gus membolehkan MSM mempunyai kapasiti pengeluaran gula 2.25 juta tan setahun.

Pada Februari lalu, MSM membuka pejabat cawangannya di Dubai yang akan bertanggungjawab untuk pembelian dan pembekalan gula mentah dan gula bertapis bagi keperluan Kumpulan MSM.

Mohamad Amri pada masa sama tidak menafikan berdepan cabaran getir disebabkan pengukuh dolar Amerika Syarikat (AS) yang menjadi mata wang dagangan gula, serta harga gula mentah dunia yang meningkat 30 peratus dalam tempoh setahun.

"Saya mahu pastikan projek pembinaan kilang Johor ini berjalan lancar serta tidak melebihi kos yang telah ditetapkan. Kilang ini penting untuk kami terus berkembang. Ia tidak boleh dihentikan kerana dijangka kami akan mula menganugerahkan kontrak pembinaan kilang itu dalam masa terdekat," katanya.